

# Dr. Mahathir, Pak Lah sama hebat

UM 01/11/2003 - 12 PRECISE

Oleh ARSHAD KHAN

"DR. MAHATHIR sudah memerintah 22 tahun, kita tak boleh nilai dengan kepimpinan Pak Lah yang umpama baru 22 hari, kerana bandingan itu tidak adil," kata Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Hishammuddin berpendapat, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Pak Lah (nama mesra Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) adalah dua pemimpin yang sama hebat tetapi mempunyai gaya yang sedikit berbeza dari segi pentadbiran.

Perbezaan seumpama itu, katanya adalah normal kerana dua individu berbeza kerap mempunyai pendekatan yang berlainan dalam sesuatu hal.

Bagaimanapun katanya, pendekatan yang berlainan tidak menjadikan seorang individu itu lebih hebat daripada individu yang lain.

Bagi Hishammuddin, Pak Lah umumnya dilihat masyarakat sebagai seorang yang kaya dengan senyuman dan penuh dengan diplomasi walau dalam apa situasi sekalipun.

Keadaan ini menyebabkan Pak Lah kelihatan seperti seorang pemimpin yang lemah-lembut di mata umum.

Namun, di mata Hishammuddin, beliau menolak sama sekali sifat lemah-lembut yang terserlah dalam diri Pak Lah sebagai gambaran terhadap diri dan ciri kepimpinan sebenar yang dimilikinya.

Malah, beliau berpendapat, Pak Lah bukan seorang yang lemah seperti yang digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak yang kurang senang dengan kejayaan pemerintah semasa.

Hishammuddin sebaliknya merangkumkan sendiri perwatakan Pak Lah melalui pengamatan peribadinya.


Pak Lah bagi Hishammuddin adalah seorang pemimpin yang ikhlas, berpendirian tegas, berpengalaman dan berani.

"Beliau juga seorang yang memberikan ruang dan peluang untuk semua pihak menengahkan pandangan masing-masing tanpa meletakkan sebarang keperluan peribadi sendiri," katanya.

Ciri kepimpinan yang dinamik dan penuh dengan keluhuran serta tidak pernah meletakkan kepentingan peribadi ini menurut Hishammuddin adalah kurniaan Tuhan kepada rakyat negara ini.

"Kita beruntung kerana kita sering dianugerahkan dengan pemimpin-pemimpin yang mengutamakan agama, bangsa dan negara lebih dari perkara-perkara lain," katanya.

Keperibadian Pak Lah yang memimpin dengan penuh keikhlasan pula, kata Hishammuddin akan menjadi senjata utama atau punca kekuatan beliau dalam mentadbir



DR. MAHATHIR bersalaman dengan Abdullah Ahmad Badawi selepas berucap di Dewan Rakyat kelmarin.

negara bagi tahun-tahun mendatang.

Seperti juga Dr. Mahathir, Pak Lah juga menurut beliau adalah seorang pemimpin yang disenangi rakyat kerana memiliki keperibadian serta pekerti mulia yang wujud dari dalam diri.

"Ia sama sekali bukannya satu lantikan bagi menjaga hati pengundi," ujarnya.

Pada beliau, Dr. Mahathir sudah membuktikan kehebatannya dan bakal meninggalkan satu kesan yang sukar untuk digugat dalam sejarah moden tanah air.

Tambah Hishammuddin, Pak Lah juga akan tampil dengan pembaharuan dan kelainan yang akan membawa perubahan yang menarik dengan syarat rakyat perlu menaruh sepuh kepercayaan terhadap beliau.

"Seseorang individu tidak mampu memimpin sebuah negara yang pesat membangun tanpa sokongan daripada semua pihak," katanya.

Malah, beliau yakin negara akan terus maju kerana sudah wujud asas yang kukuh untuk menggerakkan pembangunan negara bagi masa hadapan.

Katanya, dasar-dasar tertentu

yang dirumus untuk jangka masa antara lima hingga 10 tahun boleh dijadikan landasan ke arah mencapai Wawasan 2020, bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Asas yang kita gubal untuk lima tahun, 10 tahun hingga 2020 saya percaya Pak Lah dapat meneruskan agenda kita dan memastikan ia menjadi satu realiti," jelas beliau.

Menyingskap mengenai 'perkenalannya' dengan Pak Lah, anak Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn itu hanya tersenyum dan kemudian ketawa kecil.

"Saya mengenali Pak Lah sepanjang usia saya, semasa saya masih kecil, beliau akan datang bertemu dengan arwah ayah bagi membincangkan pelbagai macam masalah.

"Masih segar di ingatan bagaimana beliau walaupun sibuk dengan tugas, pasti akan meluangkan sedikit masa untuk melayan saya yang masa itu masih terlalu muda," ujar beliau.

Ciri itu menurut Hishammuddin secara tidak langsung turut memperlihatkan bahawa Pak Lah adalah seorang yang penyayang terhadap kanak-kanak.

Mengenali Pak Lah bagi tempoh

yang lama menyebabkan Hishammuddin begitu yakin dengan kelebihan dan kemakmuran yang akan beliau wujudkan di bumi bertuah ini.

"Saya kenal beliau dengan begitu rapat sekali dan berani saya katakan bahawa kita semua (rakyat) akan hidup makmur, stabil dan harmoni di bawah kepimpinan beliau," katanya.

Beliau menambah, sekiranya ingin melihat kejayaan selama ini berterusan, adalah menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia memberikan sepenuh sokongan terhadap segala dasar atau langkah yang bakal dilaksanakan oleh Pak Lah kelak.

"Selaku Ketua Pemuda UMNO dan Barisan Nasional, saya memberikan sepenuh sokongan kepada kepimpinan Pak Lah," katanya.

Beliau juga menyeru agar rakyat Malaysia turut bersama-sama Pak Lah pula dalam membawa Malaysia ke era kejayaan setelah melalui 22 tahun tempoh penuh bermakna dengan Dr. Mahathir.

"Berilah peluang untuk beliau mentadbir ikut kaedah sendiri," gesa Hishammuddin dengan penuh harapan dan keyakinan.